


UNISSA, IBFIM METERAI PERJANJIAN KERJASAMA



Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian
IBFIM dan UNISSA
18 Ogos 2021 | 9 Muharram 1443



FAKULTI Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menandatangani Memorandum Perjanjian (Memorandum of Agreement) bersama Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) secara maya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Ogos. - Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam (FEKIm), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) kini melakar sejarah apabila menandatangani Memorandum Perjanjian (Memorandum of Agreement) bersama Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM) hari ini. Majlis penandatanganan memorandum tersebut berlangsung secara maya.

Majlis tersebut disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD) yang baharu, Tuan Yang Terutama Dato' Raja Reza bin Raja Zaib Shah, dan Rektor UNISSA, Dr.

Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Arman bin Haji Asmad; Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Ketua Pegawai Eksekutif IBFIM, Encik Yusry bin Yusoff; para pensyarah FEKIm UNISSA dan pegawai-pegawai kanan serta Ahli Lembaga Pengarah IBFIM.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran yang dipimpin oleh Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa (PUSPAA), UNISSA, Awang Haji Sammali bin Haji Adam. Diikuti

dengan Lagu Kebangsaan dari kedua-dua buah negara; NBD dan Malaysia. Tayangan montaj juga turut dipertontonkan yang memberi gambaran menyeluruh tentang perjalanan awal bermulanya kolaborasi di antara FEKIm UNISSA dan IBFIM hinggalah detik Majlis Penandatanganan Memorandum berlangsung.

Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa tujuan teras penandatanganan memorandum tersebut ialah untuk mempromosi dan mengeratkan hubungan persahabatan di antara kedua-dua pihak, iaitu UNISSA dengan IBFIM dan mempertingkatkan prestasi pelajar dalam bidang pendidikan Kewangan Islam di UNISSA, di samping mempromosikan kerjasama dan kolaborasi dalam bidang pendidikan dan latihan, di bawah program 'Associate Qualification in Islamic Finance' (AQIF) yang ditawarkan oleh IBFIM atas dasar timbal balik dan saling menguntungkan kepada

Siaran Akhbar : Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

kedua-dua pihak. Perjanjian tersebut akan berkuat kuasa untuk tempoh tiga tahun.

Selain itu, beliau juga menekankan bahawa penandatanganan memorandum ini merupakan salah satu langkah penting dan usaha berkesinambungan yang sangat signifikan dalam membangun kapasiti sumber tenaga manusia yang berilmu pengetahuan; berkepakaran; kompeten; dan siap siaga menghadapi dan menangani cabaran dan perkembangan Kewangan Islam di Abad Ke-21 serta berupaya memacu pertumbuhan; perkembangan; dan pemeraksanaan ekosistem kewangan Islam di NBD.

Menurut beliau, hal ini dilihat sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebagai salah sebuah pusat Kewangan Islam bertaraf antarabangsa.

Mengimbau kembali sejarah perkembangan hubungan kerjasama di antara UNISSA dan IBFIM, jelas beliau lagi, ia bermula dengan satu proses pemetaan program (*programme mapping*), antara Program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam yang ditawarkan oleh FEKIm UNISSA dengan AQIF yang ditawarkan oleh IBFIM yang dilakukan pada tahun 2017.

Hasil proses penilaian mendapati kandungan kursus Program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam adalah menepati dan memenuhi kriteria pensijilan AQIF. Para graduan daripada program tersebut yang memenuhi syarat yang ditetapkan telah diiktiraf dan diberi pengecualian penuh AQIF oleh IBFIM.

Seramai sembilan orang graduan daripada Program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam

Kewangan Islam FEKIm UNISSA menerima sijil AQIF mereka pada Majlis Hafl Al-Takharruj (Majlis Konvokesyen) UNISSA Ke-10, pada tahun 2020 yang disempurnakan penyampaiannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Canselor UNISSA.

Pada tahun ini pula, seramai 10 orang lagi calon graduan Program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kewangan Islam FEKIm UNISSA dijangka akan menerima sijil AQIF mereka. Penganugerahan AQIF kepada graduan-graduan ini adalah satu pencapaian kecemerlangan akademik; pengiktirafan institusi latihan profesional antarabangsa; dan penanda aras penting terhadap kualiti kurikulum kursus perbankan dan kewangan Islam yang meletakkan UNISSA sebaris dengan Institut Pengajian Tinggi ternama di Malaysia.

Menurut Dekan FEKIm UNISSA, pada tahun ini pula, satu proses penilaian kompetensi tenaga akademik UNISSA sebagai Pelatih Bertauliah AQIF di NBD telah pun dilakukan oleh pihak IBFIM dan mengesahkan tiga orang daripada tenaga akademik FEKIm UNISSA memenuhi syarat-syarat kelayakan sebagai Pelatih Bertauliah AQIF dan proses pemindahan kredit telah pun sempurna dilakukan.

Hasil penilaian ini, jelasnya menunjukkan bahawa tenaga akademik yang ada di UNISSA adalah terdiri daripada mereka yang profesional dan kompeten untuk menyediakan pakar-pakar Kewangan Islam di dalam negeri.

Menandatangani bagi pihak FEKIm UNISSA, Dekan FEKIm UNISSA, Dr. Abdul Nasir; dan Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Yusry bagi pihak IBFIM.

Majlis Penandatanganan Memorandum Perjanjian diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Pendaftaran SMS keputusan peperiksaan dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Ogos. - Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Datastream Digital Sdn Bhd (DST), Progresif Sdn. Bhd. dan Mach Telecommunications Systems Sdn. Bhd. (MachTel) akan menawarkan Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS) bagi mendapatkan Keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O' 'AS' & 'A' dan IGCSE Sesi Mei / Jun 2021.

Ibu bapa dan pelajar yang ingin melanggan perkhidmatan tersebut adalah dikehendaki untuk mendaftar secara dalam talian melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau portal e-Darussalam di www.gov.bn.

Pendaftaran juga dapat dilaksanakan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan memasukkan teks berikut : MOE<jarak>REG<jarak>[KOD PUSAT]<jarak>[NOMBOR CALON]<jarak>[NOMBOR I.C. CALON] dan dihantar ke 8885555 bagi pelanggan DST dan 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd.

Untuk makluman, tiada bayaran akan dikenakan sewaktu pendaftaran melalui laman sesawang atau telefon bimbit. Ibu bapa dan pelajar boleh mula melanggan perkhidmatan tersebut mulai pada Khamis, 19 Ogos 2021.

Keputusan peperiksaan hanya akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan untuk mengeluarkan keputusan tersebut. Pelanggan akan dikenakan pembayaran sejumlah BND3 bagi setiap keputusan SMS yang diterima.

Kementerian Pendidikan berharap melalui perkhidmatan yang disediakan ini akan dapat memberi manfaat kepada orang ramai, terutama sekali para ibu bapa dan pihak berkepentingan Kementerian Pendidikan secara umum.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau ingin menghadapkan sebarang pertanyaan mengenai tatacara pendaftaran, boleh menghantar e-mel ke moeresults@machbrunei.com atau layari laman sesawang di <https://www.machbrunei.com/moe>.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kelalaian Membawa Padah'. Tarikh Tutup : **25 Ogos 2021**
2. 'Lakukan Perubahan Dengan Hijrah'. Tarikh Tutup : **1 September 2021**
3. 'Mempertahankan Negara Tugas Mulia'. Tarikh Tutup : **8 September 2021**

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang